



TEKS UCAPAN PERASMIAN

**YBhg. DATO' SRI HJ MOHAMMAD BIN MENTEK
KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR,
PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MAJLIS PERASMIAN
PERSIDANGAN KESIHATAN PERSEKITARAN PIHAK BERKUASA
TEMPATAN TAHUN 2017**

PADA
15 NOVEMBER 2017 (RABU) JAM 3.00 PETANG

DI
DEWAN KRISTAL, KPKT

ANJURAN
JABATAN KERAJAAN TEMPATAN

Terima kasih kepada Saudara dan Saudari Pengacara Majlis

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamu'alaikum wa rahmatullahi wa barakatuh, Salam Sejahtera,

Salam Negara Ku Malaysia

YBrs. Dr. Mary Wong Lai Lin

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar Dan Pembangunan), KPKT

YBrs. Tuan Zamri Bin Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar), KPKT

YBrs. Tuan Khairul Dzaimie Bin Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KPKT

YBhg. Dato' Sri Hj. Wan Mohd Nor Bin Hj. Ibrahim

YAS Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YBhg. Dato' Noor-Ihsan Bin Che Mat

Ketua Pengarah

Jabatan Kerajaan Tempatan

Selaku Pengerusi Jawatankuasa Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat

PBT 2017

YBhg. Dato-Dato Ketua-Ketua Jabatan, KPKT

Datuk-Datuk Bandar, Yang Dipertua Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah

Wakil-Wakil Agensi, Badan Bukan Kerajaan, Para Pelajar dari Institut Pengajian Awam dan Swasta.

Para Pempamer dan Pembentang Lisan

YBhg. Dato'-Dato', Datin Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang saya hormati sekalian.

1. Terlebih dahulu, marilah kita bersama sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya kita diberi kesempatan untuk berhimpun pada petang ini sempena Majlis Perasmian Penutupan Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat Pihak Berkuasa Tempatan 2017 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada pihak penganjur persidangan, para pembentang kertas kerja dan pempamer atas kerjasama yang diberikan. Kepada semua peserta persidangan pula, semoga forum ini memberi kebaikan bersama, In Syaa Allah.

Para hadirin sekalian,

2. Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat PBT 2017 ini adalah kali ke 10, di mana penganjuran kali pertama adalah pada tahun 2008. Persidangan ini bertujuan untuk membolehkan pegawai-pegawai teknikal yang terlibat dalam bidang Kesihatan Persekitaran, baik yang berada di PBT, Pihak Berkuasa Negeri, agensi kerajaan, institusi pendidikan atau pun pertubuhan yang berkepentingan untuk sama-sama berkongsi maklumat, idea dan perkembangan terkini dalam bidang Kesihatan Persekitaran.
3. Saya difahamkan impak daripada Persidangan-persidangan seperti ini telah berjaya membantu KPKT secara tidak langsung mewujudkan beberapa Garis Panduan penting yang telah diluluskan oleh Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan (MNKT). Antara Garis Panduan yang telah digunapakai di peringkat Pihak Berkuasa Negeri (PBN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negara adalah : (i) Garis Panduan *Star Rating* Kebersihan Tandas Kegunaan Awam di Kawasan PBT 2012, (ii) Garis Panduan Pusat Penyembelihan Ayam, Itik dan lain-lain Unggas di Kawasan PBT 2014, (iii) Garis Panduan Sistem Penggredan Premis Makanan di Kawasan PBT 2014 dan (iv) Tatacara Operasi Piawai (*Standard Operating Procedure*) Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan 2014.
4. Hasil persidangan sebegini juga, empat (4) Garis Panduan baharu telah diluluskan oleh MNKT kali ke 71 pada 10 Julai 2017 lalu iaitu : (i) Pelan

Tindakan Tandas Bersih Kebangsaan, (ii) Manual Pembersihan Tandas Awam, (iii) Garispanduan Amalan Baik Pengendalian Bahan Kimia dan (iv) Garis Panduan Kawalan Tikus di kawasan PBT. Syabas diucapkan.

TEMA: MAKANAN SELAMAT, RAKYAT SEJAHTERA

5. Manusia memerlukan makanan sebagai sumber tenaga bagi kehidupan seharian. Walaubagaimanapun makanan yang tidak bersih akan menyebabkan kejadian penyakit yang menjejaskan kesihatan manusia. Antara penyakit yang berpunca daripada makanan yang tidak bersih adalah Keracunan Makanan, Taun (Kolera), Demam Kepialu (Tifoid) dan sebagainya. Pada tahun 2016, sebanyak 17,957 kes bawaan air dan makanan telah dilaporkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dengan kadar insiden 58.2 per 100,000 penduduk. Makanan boleh tercemar apabila keadaan ini terjadi:
 - a) Bahan mentah tercemar dengan kuman
 - b) Cara penyediaan makanan yang tidak sanitasi
 - c) Peralatan penyediaan makanan yang tidak bersih
 - d) Menghidang makanan dengan cara tidak bersih
 - e) Menyimpan makanan dengan kaedah tidak selamat

6. Bagi menangani isu di atas, saya dimaklumkan Pihak Berkuasa Tempatan yang mempunyai pegawai teknikal bagi menilai tahap kebersihan dan

keselamatan makanan melalui aktiviti pemeriksaan dan penggredan premis makanan, persampelan makanan, penguatkuasaan dan promosi Keselamatan Makanan kepada orang awam. Mereka boleh memainkan peranan utama bagi memastikan kebersihan dan keselamatan makanan di kawasan masing-masing.

7. Saya dimaklumkan sesi pembentangan dalam persidangan kali ini merangkumi isu-isu terkini dalam penguatkuasaan Akta Makanan 1983 dan Peraturan-Peraturan berkaitan di Medan Selera yang akan dikongsi oleh pembentang daripada Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Perundangan ini merupakan suatu peruntukkan yang dikuatkuasakan untuk memastikan tahap kebersihan premis makanan di Medan Selera dan seterusnya menjamin keselamatan makanan di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Saya percaya, pembentangan ini amat relevan dan berfaedah kepada semua peserta. Selain itu, pembentang daripada pihak syarikat 3M (Malaysia) Sdn. Bhd telah berkongsi maklumat berkenaan aplikasi instrument dan kaedah penilaian keselamatan dan kebersihan makanan.
8. Persidangan kali ini juga akan didedahkan dengan konsep baharu berkaitan penilaian risiko Kesihatan Persekitaran di Medan Selera oleh Pakar Penilaian Risiko dalam bidang Kesihatan Persekitaran daripada Universiti Putra Malaysia. Kaedah ini merupakan konsep terkini dalam menjangkakan risiko di premis makanan dan PBT boleh mengambil tindakan pencegahan

berdasarkan risiko yang telah dikenalpasti. Di samping itu, perkongsian pengalaman oleh Majlis Perbandaran Kemaman berkenaan zon premis makanan gred A merupakan satu usaha dan pendekatan bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keceriaan premis makanan.

9. Oleh itu saya menyeru agar tuan-tuan dan puan-puan sebagai *front liners* atau pegawai teknikal yang berada di barisan hadapan dapat menyampaikan mesej yang tepat kepada pengendali makanan dan masyarakat di luar sana. Tidak ada jalan pintas untuk memastikan kebersihan dan keselamatan makanan bagi kesejahteraan rakyat, melainkan semua pihak berkepentingan memainkan peranan masing-masing. Orang awam juga perlulah memainkan peranan masing-masing seperti memilih makanan dan premis makanan yang bersih.

Para hadirin sekalian,

PROGRAM TRANSFORMASI PBT: PBT DI HATI RAKYAT

10. Pelan Transformasi PBT, bertemakan PBT Di Hati Rakyat merupakan inisiatif kerajaan untuk mentransformasikan PBT dari aspek struktur, budaya dan sistem kerja untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada masyarakat setempat. Pada masa yang sama, PBT juga berperanan meningkatkan kemakmuran, kesejahteraan dan kualiti kehidupan rakyat. Untuk merealisasikan hasrat ini, Pelan Transformasi PBT merangka 6 teras

iaitu Pembangunan Modal Insan, Kecekapan Perkhidmatan, Pengukuhan Kewangan, Kesejahteraan Rakyat, Penglibatan Rakyat dan Komunikasi Berkesan. Sehubungan ini, program/aktiviti kesihatan persekitaran merupakan komponen penting di bawah keseluruhan teras terutama berhubung penglibatan rakyat, komunikasi berkesan dan kecekapan perkhidmatan demi kesejahteraan rakyat.

PELAN TINDAKAN KAWALAN NYAMUK DI PBT

11. Denggi masih lagi menjadi salah satu masalah utama kesihatan awam di Malaysia. Kes dan wabak denggi yang dikesan di seluruh negara masih agak tinggi dan secara purata sejumlah 1000 kes dilaporkan setiap minggu bagi tahun 2010 hingga 2017. Justeru itu kerjasama antara pihak PBT dan agensi-agensi berkaitan lain adalah amat penting, untuk sama-sama berganding bahu bagi memerangi nyamuk Aedes. Oleh itu KPKT telah mengambil inisiatif dengan mewujudkan Garis Panduan Kawalan Nyamuk di Pihak Berkuasa Tempatan yang kini dalam proses untuk dibentangkan di peringkat Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan (JPP) KPKT. Dengan wujudnya Garis Panduan ini dapat membantu Pihak Berkuasa Tempatan memerangi demam denggi dan jangkitan Zika di kawasan PBT. Seperti kita sedar, hampir 70% kes demam denggi dilaporkan di kawasan jagaan PBT dan ini tidak menghairankan kerana statistik pada tahun 2016 menunjukkan lebih 75% penduduk di Negara kita menetap di kawasan bandar.

Para hadirin sekalian

KEBERSIHAN PASAR AWAM

12. Pada tahun 2009, telah berlaku peningkatan kes penyakit kencing tikus atau *Leptospirosis yang* laporkan di seluruh Negara. Selepas itu pada tahun 2012 telah dilaporkan pula jangkitan H5N1, dan ini dikuti pula jangkitan Avian Flu atau Selesema Burung. Siasatan yang dilakukan oleh pihak berwajib menunjukkan bahawa jangkitan ini dikaitkan dengan kebersihan am khususnya di pasar-pasar awam di kawasan PBT. Sebagai langkah serta merta KPKT telah mewujudkan Garis Panduan Pusat Penjualan Ayam, Itik dan lain-lain Unggas di Kawasan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkuatkuasa pada bulan Januari 2014. Garispanduan ini khusus untuk mencegah kejadian *Avian Flu* atau selesema burung yang dikaitkan dengan pasar awam yang tidak memuaskan tahap kebersihannya. Dengan wujudnya Garis Panduan ini, Kerajaan telah menetapkan satu dasar bahawa tidak dibenarkan semua aktiviti penjualan ayam / itik di pasar-pasar awam di dalam kawasan PBT. Sebagai langkah jangka panjang, KPKT juga sedang merancang untuk mewujudkan pasar awam yang berkonsepkan Pasar Sejahtera. Konsep ini adalah seperti mana yang dicadangkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pasar Sejahtera ini adalah usaha untuk menaiktaraf pasar sedia ada atau yang baru yang bakal memberi penekanan kepada aspek-

aspek bersih, sihat, selamat, selesa, indah, hijau dan kesamarataan peluang berniaga yang bercirikan masyarakat majmuk Malaysia supaya menjadi tumpuan utama orang ramai.

PENGURUSAN DAN KEBERSIHAN TANDAS AWAM

13. Bagi memastikan pengurusan dan kebersihan tandas awam, saya difahamkan bahawa KPKT melalui Bahagian Perundingan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Kerajaan Tempatan telah menjalankan beberapa siri kursus berkonsep NBOS dengan penglibatan pelbagai pihak bagi meningkatkan tahap kebersihan dan keselesaan tandas awam. Sebagai contohnya, pihak KPKT menganjurkan kursus dengan kerjasama pihak MALAYSIA AIRPORT HOLDINGS BERHAD seperti kursus Latihan Manual Pembersihan Tandas Awam (Train the Trainers), Latihan Pengauditan (Self Auditing) dan Star Rating Tandas Awam di KLIA dan KLIA2 yang melibatkan para peserta terdiri daripada Pengurus Besar Kanan, Pengurus-Pengurus Kanan, Pengurus-Pengurus, Pegawai Eksekutif, Ketua-Ketua Syarikat Konsesi Pembersihan bersama Penyelia.
14. Sehubungan itu, semua PBT adalah diminta untuk melaksanakan penarafan bintang tandas awam di kawasan seliaan masing supaya sentiasa bersih, selesa dan selamat digunakan. Orang ramai juga perlu memainkan peranan dengan membudayakan amalan penjagaan, dan penggunaan tandas secara beretika. Secara langsung ini akan mewujudkan masyarakat sejahtera dan

persekitaran yang sihat, sekaligus mencerminkan imej negara yang baik, di mata pelancong serta mempertingkatkan nilai sosio ekonomi negara.

Para hadirin sekalian,

PENUTUP

15. Akhir kata, saya sekali lagi merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan Persidangan Kesihatan Persekitaran Pihak Berkuasa Tempatan 2017 pada tahun ini. Saya juga mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pembentang kertas kerja, dan pempamer pada Persidangan kali ini. Juga tidak dilupakan, sekalung penghargaan kepada semua ahli jawatankuasa dan urusetia yang telah berusaha dan memberikan komitmen yang tinggi bagi merealisasikan persidangan kali ini.

16. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan majlis Persidangan Kesihatan Persekitaran Peringkat PBT 2017 **dengan tema : Makanan Selamat, Rakyat Sejahtera**

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih